

EKONOMI

Ambil langkah efektif kurangkan kos sara hidup rakyat

Tidak dapat dinafikan peningkatan kos sara hidup adalah isu utama yang menjadi buah mulut setiap lapisan masyarakat dalam negara kita. Sama ada penduduk bandar mahu pun luar bandar, isu kos sara hidup yang meningkat semenjak kebelakangan ini menjadi topik hangat dibicarakan semua pihak.

Peningkatan kos sara hidup ini bukanlah dialami oleh negara kita sahaja, ia adalah isu global yang dialami hampir semua negara.

Walaupun begitu, adalah penting bagi semua pihak terutama kerajaan untuk berusaha mencari jalan bagi mengurangkan impak kos sara hidup yang sedang dialami semua pihak ketika ini.

Kaji terperinci kenaikan kos sara hidup rakyat

Sebelum mencari langkah untuk mengurangkan kos sara hidup ketika ini, adalah penting pihak yang berkaitan mengkaji secara terperinci punca sebenar kenaikan kos sara hidup rakyat.

Dengan merungkai dan memahami puncanya barulah setiap permasalahan dapat di atasi dengan baik dan lebih berkesan.

Antara penyumbang utama kenaikan kos sara hidup ialah sikap tamak segelintir peniaga yang tidak bertanggungjawab. Mereka mengambil peluang mengaut keuntungan berlebihan dengan memberikan pelbagai alasan menaikkan harga barangan ataupun perkhidmatan.

Antara alasan yang paling gemar digunakan ialah stok tidak mencukupi atau tekanan harga di luar kawalan dek kerana terpaksa mengikut harga import.

Terkini isu pelaksanaan sistem cukai barangan dan perkhidma-



Melihat buku panduan harga pengguna boleh membantu mengawal perbelanjaan.

[GAMBAR HIASAN]

tan (GST) yang dikuatkuasakan sejak 1 April lalu sering digunakan sebagai alasan untuk menaikkan harga dengan sewenang-wenangnya.

Punca utama kenaikan kos sara hidup ini perlu diatasi dengan baik dan secepat yang mungkin bagi mengelakkan masyarakat terutama golongan berpendapatan rendah tertekan dengan kenaikan kos sara hidup kini.

Dalam hal ini, pihak kerajaan perlu menguatkuasakan segala peruntukan undang-undang bagi

“**Pelbagai bantuan harus terus diperkenalkan serta dikemas kini bagi meringankan beban kos sara hidup rakyat**”

membendung punca utama kos sara hidup naik seperti Akta Kawalan Harga dan AntiPencatutan 2011 (Akta 723) dan Akta Cukai dan Perkhidmatan 2014 (Akta 762).

Masyarakat perlu guna kuasa pengguna

Masyarakat pula perlu menggunakan kuasa pengguna yang ada pada mereka bagi mengurangkan impak kos sara hidup yang dihadapi kini.

Bak kata pepatah, 'bersatu kita

FORUM

Pembaca yang ingin menyuarakan pandangan berhubung isu semasa boleh menghantar sumbangan menerusi e-mel: bhforum@bh.com.my

teguh, bercerai kita roboh', sokongan dan kerjasama erat harus diberi kepada persatuan pengguna bagi mencari jalan mengurangkan kos sara hidup.

Dalam usaha membantu rakyat menguruskan perbelanjaan harian mereka juga, pelbagai bantuan harus terus diperkenalkan serta dikemas kini bagi meringankan beban kos sara hidup rakyat terutama warga tua, kanak-kanak masih bersekolah, ibu tunggal, orang kurang upaya (OKU), polis dan tentera, pelajar institusi pengajian tinggi (IPT).

Pihak kerajaan juga boleh mempertimbangkan dengan serius cadangan untuk menaikkan kadar gaji bagi mengatasi masalah kos sara hidup yang dihadapi kini.

Dr Muzaffar Syah Mallow, Pensyarah Kanan, Fakulti Syariah & Undang-undang, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM)